



27 FEB, 2024

Sindiket seludup 80,000 liter diesel ke Thailand tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sindiket seludup 80,000 liter diesel ke Thailand tumpas

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan sindiket menyeludup 80,000 liter diesel ke Thailand dengan menggunakan dua lori tangki menerusi pintu sempadan Kota Putra dekat Durian Burung di negeri ini.

Cubaan itu dibuat dengan melakukan ikrar tidak betul dalam Borang Eksport (Kastam 2) kononnya muatan dibawa adalah bahan api campuran.

Pengarah JKDM Kedah, Nor Izah Abdul Latif, berkata Cawangan Penguatkuasaan JKDM Durian Burung menahan dua lori tangki bernombor pendaftaran tempatan itu dalam Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap, pada jam 9.30 pagi pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan awal di lokasi kejadian mendapati, pasukan penguat kuasa menemui muatan disyaki diesel.

"Berikutan itu, kedua-dua lori terbabit disita untuk siasatan lanjut sebelum pemeriksaan terhadap lori pertama mendapati, ia



Pegawai penguat kuasa JKDM Kedah memeriksa lori tangki yang membawa diesel ke Thailand menggunakan borang ikrar tidak betul. (Foto ihsan JKDM)

membawa muatan diesel anggaran 45,000 liter, manakala lori kedua pula membawa muatan 35,000 liter dengan nilai diesel.

"Anggaran diesel berkenaan bernilai RM172,000, manakala nilai kenderaan kes kira-kira RM450,000," katanya dalam ke-

nyataan, semalam.

Dibebaskan jaminan kastam

Nor Izah berkata, kedua-dua pemandu warga tempatan berusia masing-masing 37 dan 48 tahun itu ditahan untuk siasatan sebelum mereka kemudian dibe-

baskan dengan jaminan kastam.

Beliau berkata, bahan api campuran tidak tertakluk kepada lesen eksport dan tiada duti atau cukai.

"Selain itu, mereka cuba mengaburi kastam dan bagi mendapatkan pelepasan terus dengan

cara menambah pewarna hitam ke dalam diesel supaya warnanya menjadi lebih gelap," katanya.

Nor Izah berkata, diesel barangan komoditi yang memerlukan suatu lesen eksport mengikut Perintah Kastam (Larangan Mengenal Eksport) 2017 dalam Jadual 3, Bahagian 1, Item No 36.

"Jika sabit kesalahan, bagi kesalahan pertama denda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM50,000, mana yang lebih tinggi atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan kedua pula boleh didenda tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar atau penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

"Dimaklumkan diesel adalah barang larangan dan pengeksporan tertakluk kepada lesen eksport yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup," katanya.

Katanya, sebarang maklumat boleh disalurkan melalui *hotline* 1800-888-855 8855 atau pejabat kastam terdekat di semua negeri.



27 FEB, 2024

Sindiket seludup 80,000 liter diesel ke Thailand tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan sindiket menyeludup 80,000 liter diesel ke Thailand dengan menggunakan dua lori tangki menerusi pintu sempadan Kota Putra dekat Durian Burung di negeri ini. Cubaan itu dibuat dengan melakukan ikrar tidak betul dalam Borang Eksport (Kastam 2) kononnya muatan dibawa adalah bahan api campuran.